

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## JS-SEZ percepat pembaharuan ekonomi Malaysia

### JS-SEZ percepat pembaharuan ekonomi Malaysia

Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) adalah komponen penting untuk mempercepat usaha pembaharuan ekonomi Malaysia, menurut RHB Investment Bank Bhd (RHBIB).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, Gan Kim Yong di Johor Bahru pada Khamis untuk memformalkan kerjasama kedua-dua negara bagi JS-SEZ.

RHB Investment menjelaskan, Malaysia boleh menarik dan membangunkan sumber pelaburan langsung asing yang baharu menerusi MoU itu.

"Inisiatif untuk mempunyai pusat perniagaan sehenti bagi memudahkan perniagaan Singapura menubuhkan operasi di Johor di JS-SEZ mungkin mewujudkan lebih banyak bangunan pejabat dan seterusnya kemudahan perindustrian (termasuk pusat data)," tambahnya dalam satu nota penyelidikan.

Bank pelaburan itu berpandangan, sementara perjanjian penuh masih dirangka, perkembangan mengenainya dijangka diumumkan semasa Pemukiman Pemimpin ke-11 bagi kedua-dua negara tahun ini.

"Perbincangan itu akan tertumpu pada usaha meningkatkan aliran rentas sempadan dan mengukuhkan kosistem perniagaan dalam JS-SEZ untuk menyokong pelaburan," jelasnya.

Menurut RHBIB, menerusi kerjasama itu kedua-dua pihak berpeluang menawarkan aspek yang pihak lain mengalami kekurangan.

"Singapura mempunyai banyak bank modal pelaburan dan akses kepada teknologi, manakala Malaysia mempunyai penawaran ruang dan modal insan dengan Johor disediakan rangkaian infrastruktur yang dibangunkan secara baik.

"Kami berharap rixsus Johor-Singapura akan berkembang secara simbiotik, sama seperti Shenzhen-Hong Kong," tambahnya.

RHBIB juga memaklumkan Johor menyaksikan sejumlah projek bernilai RM25.4 bilion diberikan kepada kontraktor pada 2023, yang kedua terbesar selepas Selangor.

Kerajaan Johor telah menandatangani agar Wilayah Iskandar ditetapkan di bawah JS-SEZ, manakala lokasi berdekatan dengan sempadan kedua-dua negara akan menjadi pertimbangan utama untuk menentukan lokasi zon ekonomi khas itu, tambahnya. BERNAMA